


# Bazar Ramadhan, September 2008

Ketika bulan Ramadhan menjadi bulan untuk berpuasa untuk orang Islam di seluruh dunia, ia juga masa gerai-gerai makanan mula muncul untuk menjual makanan yang menyelerakan untuk berbuka puasa. Bazar ini bukan saja untuk mereka yang mengambil bahagian dalam bulan puasa. Sebut saja Bazar Ramadhan, penggemar-penggemar makanan pasti akan rasa teruja. Pelbagai jenis makanan dan minuman akan dijual untuk dibawa pulang. Carilah makanan seperti nasi ayam, soto, kebab dan pelbagai jenis kuih muih yang beraneka warna. Cubalah minuman yang kelihatan luar biasa seperti cincau, cendol dan air bandung (minuman berwarna merah jambu yang diperbuat daripada susu dan sirap ros).

Kunjungan bazar-bazar ini ketika bulan puasa September ini:

Lokasi	Masa
Sembulan	
Pasar Asia City	
Lintasan Deasoka, Jalan Gaya	
Wawasan Plaza	1.30 petang hingga 6.30petang
Pasar Malam Sinsuran	
Tamu Tradisional Inanam	
Indah Permai (berdekatan Giant Hypermarket)	

Untuk maklumat lanjut, hubungi Elizabeth Borubui dari Dewan Bandaraya Kota Kinabalu di 088 521800, faks 088 316137 atau e-mail [elizabeth@dbkk.sabah.gov.my](mailto:elizabeth@dbkk.sabah.gov.my)



## Piala Bola Sepak Figos Borneo Oktober-November 2008



Pada Oktober dan November, Piala Bola Sepak Figos Borneo yang pertama akan berlangsung di Kota Kinabalu. Kita akan menyaksikan pasukan-pasukan amatir sekitar Australasia bertanding dalam lima kategori: Bawah 12, 14, 16, 18 tahun dan veteran.

Bertujuan untuk memberikan peluang untuk pemain muda dan veteran beraksi dalam pertandingan yang dianjurkan dengan perancangan yang baik menentang pasukan-pasukan dari negara dan budaya yang berbeza! Ketika ini, pasukan-pasukan pencinta bola sepak dari Australia, Brunei, Singapura dan Kuala Lumpur telah mengesahkan kesediaan untuk mengambil bahagian dalam kejohanan menarik ini, dan penganjur mempelawa pasukan tempatan dari Sabah untuk ikut serta! Apa yang anda tunggu lagi, periksa laman jaring kami atau hubungi 088 249002 untuk maklumat lanjut dan terkini!

*Just Relax* SDN. BHD.  
Reflexology, Aroma & Traditional Therapy  
(011 240-77)

Why **waste time** searching around for a **good place** to **relax??**

We're right in town.....  
offer you a relaxing place with professional relaxation package...

Body Massage 전통 조선 마사지  
トランプシヨナル・ボディ・マッサージ

Foot Reflexology 밤 마사지  
フット・リフレクソロジー (マッサージ)

We provide hotel transfer (Extra charge applicable)

Tel / Fax : 088 - 240 704 / 012 837 7000  
Lot 09, 1st Floor, Block H, Asia City, 88000 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.